

## Amang seksual: Mahkamah tolak pengakuan bersalah pengawal keselamatan

**SIBU:** Seorang pengawal keselamatan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Sibu, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak bawah umur pada 7 Mei lepas.


Hakim Musyiri Peet yang mendengar kes, bagaimanapun menolak pengakuan bersalah tertuduh yang berumur 42 tahun itu setelah tertuduh memberitahu mahkamah bahawa dia tidak memeluk mangsa, sebaliknya hanya meraba mangsa.

Mahkamah kemudian menetapkan 30 Jun sebagai tarikh pengurusan kes dan sementara itu, tertuduh dibenarkan bebas dengan ikat jamin RM8,000 serta RM6,000 dalam bentuk deposit dengan dua orang penjamin.

Tertuduh juga perlu melaporkan diri di balai polis berdekatan sebulan sekali bermula 21 Jun depan sehingga kes selesai sebagai syarat ikat jamin tambahan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berumur 13 tahun.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Hospital Sibu pada 7 Mei 2026, jam lebih kurang 12.01 tengah malam.



**DIDAKWA:** Tertuduh dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Sibu, semalam.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sabit kesalahan di bawah seksyen ini boleh dipenjarakan tidak lebih 20 tahun dan juga sebatan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.